

UCHAPAN ALUAN2 DARIPADA Y.B. MENTERI
PELAJARAN, INCHE HUSSEIN ONN DI-UPACHARA
PERTANDINGAN MEMBACHA AL KUR'AN DAN
MENTAFSIR KUR'AN DI-MASJID NEGARA, KUALA
LUMPUR PADA 8HB OGOS, 1972 at 7.30pm INI

ASSALAMU ALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.

YANG BERHORMAT MENTERI², YANG BERBAHAGIA TAN SRI²
DAN PUAN SRI², YANG MULIA TUAN2 DAN PUAN2 SEKALIAN.

PERTANDINGAN PADA MALAM INI
MENGANDUNGI DUA JENIS, PERTAMA, PERTANDINGAN
MEMBACHA KUR'AN DI-ANTARA MURID2 SEKOLAH RENDAH
BANGUN KEJAWA YANG BERUMUR TIDAK LEBIH DARI
PADA DUA BELAS TAHUN. KEDUA, PERTANDINGAN
KUR'AN DI-ANTARA PENUNTUT2 SEKOLAH MENENGAH
KEJAWA YANG BERUMUR TIDAK LEBIH DARI PADA
BELAS TAHUN.

TERLEBEH DAHULU SAYA BERSHUKUR KA-
HADHARAT ALLAH SUBHANAHUWATAALA ATAS KEIZINAN DAN
TAUFIK-NYA KAPADA KITA DAPAT BERKUMPUL DALAM MASJID
NEGARA YANG BESAR LAGI INDAH INI. SAYA SUKA MENGAMBIL
KESEMPATAN INI UNTUK MENGALU2KAN KEDATANGAN TUAN2
DAN PUAN2 KA-MAJLIS PERTANDINGAN AL-KUR'AN YANG
MULIA INI, DAN SAYA TIDAK KETINGGALAN MENGUCHAPKAN
TERIMA KASEH KAPADA SEGALA PEHAK YANG BERKENAAN YANG
TURUT MEMBERI KERJASAMA DENGAN TENAGA, MATA BENDA DAN

WANG RINGGIT SERTA MEMINJAMKAN ALAT2 PERKAKAS YANG MUSTAHAK UNTUK MENJAYAKAN PERTANDINGAN INI DARIPADA PERINGKAT DAERAH, PERINGKAT NEGERI SAHINGGA KA-PERINGKAT KEBANGSAAN YANG DI-ADAKAN PADA MALAM INI.

PERTANDINGAN PADA MALAM INI

MENGANDONGI DUA JENIS. PERTAMA, PERTANDINGAN MEMBACHA KUR'AN DI-ANTARA MURID2 SEKOLAH RENDAH BANTUAN KERAJAAN, YANG BERUMOR TIDAK LEBEH DARI-PADA DUA BELAS TAHUN. KEDUA, PERTANDINGAN MENTAFSIR KUR'AN DI-ANTARA PENUNTUT2 SEKOLAH MENENGAH BANTUAN KERAJAAN, YANG BERUMOR TIDAK LEBEH DARIPADA TUJUH BELAS TAHUN.

PERTANDINGAN INI ADA-LAH JULONG KALI
DI-ADAKAN DI-NEGARA KITA PADA PERINGKAT
KEBANGSAAN, DAN BOLEH DI-JADIKAN BUKTI KAPADA
TUAN2 DAN PUAN2, BAGAIMANA KEAZAMAN KEMENTERIAN
PELAJARAN UNTOK MEMPERKEMASKAN DIDEKAN UGAMA
ISLAM DI-SEKOLAH2, DAN MEMPERKEMBANGKAN PELAJARAN
ITU DI-KALANGAN MURID2 SEKOLAH, SUPAYA LEBEH
BERKESAN KAPADA JIWA MEREKA. KEMENTERIAN
PELAJARAN PERCHAYA BAHAWA, PELAJARAN UGAMA KAPADA
ORANG2 ISLAM TIDAK BOLEH DI-PISAHKAN DARIPADA
PENDIDIKAN KEBANGSAAN, DAN IA MERUPAKAN PELAJARAN
YANG AMAT MUSTAHAK UNTOK TUJUAN MEMBIMBING
MEREKA MENCHARI KEMAJUAN, DAN MENGHADAPI CHABARAN
ZAMAN MODEN DENGAN LEBEH DINAMIS DAN PROGRESIF,
INI TIDAK SEKALIG MENGABAIKAN TUGAS-NYA DALAM
SESUAI DENGAN KEHENDAK2 AJARAN UGAMA ISLAM.

TUJUAN INI MUNGKIN TIDAK TERCHAPAI, SAKIRANYA DIDEKAN PELAJARAN UGAMA ISLAM DI-SERAHKAN BULAT2 KAPADA GURU2 UGAMA DAN KEMENTERIAN PELAJARAN SAHAJA, TERUTAMA-NYA PELAJARAN MEMBACHA AL KUR'AN. TETAPI, JIKA PEHAK YANG BERKENAAN DAN IBU BAPA MURID2 SEKALIAN, SAMA2 MENGAMBIL BERAT DAN MEMBIMBING ANAK2 MEREKA DENGAN DIDEKAN UGAMA, TERUTAMA-NYA MENGENAI BUDI-PEKERTI, SAYA PERCHAYA TUJUAN INI DAPAT DI-CHAPAI DENGAN BERJAYA, KERANA HUBONGAN DAN PENGAROH IBU BAPA TERHADAP MURID2, ADA-LAH LEBEH RAPAT DAN KUAT DARIPADA SEKOLAH.

DI-SAMPING PELAJARAN2 YANG LAIN, KEMENTERIAN INI TIDAK SEKALI2 MENGABAIKAN TUGAS-NYA DALAM MENGEMBANGKAN UGAMA ISLAM KAPADA MURID2 YANG BER-UGAMA ISLAM, MENGIKUT KEHENDAK2 YANG DI-TETAPKAN DALAM PERLEMBAGAAN DAN UNDANG2 PELAJARAN. SAYA

PERCHAYA, PELAJARAN UGAMA ISLAM DAPAT MENYUMBANGKAN SATU ASPEK PEMBANGUNAN DI-BIDANG KEROHANIAN.

PEMBANGUNAN BAGI ORANG2 ISLAM ADALAH MELALUI KEDUA2 BIDANG, IA-ITU KEBENDAAN DAN KEROHANIAN, KERANA MANUSIA ITU DI-JADIKAN OLEH ALLAH MEMPUYAI NALURI, KEBENDAAN DAN KEROHANIAN.

PEMBANGUNAN DI-BIDANG KEBENDAAN TANPA SOKONGAN KEROHANIAN, AKAN MENUJU PADA AKHIR-NYA KAPADA KEHIDUPAN YANG TIDAK HORMAT, SETERUS-NYA BOLEH MENGHANCHORKAN KEHIDUPAN YANG HARMONI DALAM MASHARAKAT. BEGITU-LAH JUGA PEMBANGUNAN DI-BIDANG KEROHANIAN TANPA SOKONGAN KEBENDAAN, HANYA AKAN MENINGGALKAN MANUSIA DALAM HIDUP KEPAPAAAN, BEKU DAN MUNDOR, SEDANGKAN KITA DI-PERENTAH OLEH ALLAH SUPAYA BERUSAHA DAN MENDOAKAN KEHIDUPAN YANG SIHAT, MAAMOR LAGI BAHAGIA SAPERTI FIRMAN TUHAN DALAM AL-KUR'AN:

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ


(RABBANA ATINA FIDDUNYA HASANAH, WAFIL AQIRATI
HASANAH,
~~HANASAH~~ WAQINA AZABANNAR)

YANG BER-ERTI: "WAHAI TUHAN KAMI, BERIKAN LAH
KAPADA KAMI DI-DUNIA INI KEHIDUPAN YANG BAIK, DAN
DI-AKHIRAT KEHIDUPAN YANG BAIK, DAN PELIHARA-LAH
KAMI DARI SEKSA NERAKA."

AL-KUR'AN SEBAGAIMANA YANG TUAN2 DAN
PUAN2 SEDIA MAALUM, ADALAH SA-BUAH KITAB SUCHI,
YANG DI-TURUNKAN OLEH ALLAH, UNTUK MENJADI PANDUAN
KAPADA MANUSIA. KITAB SUCHI INI MENGANDONGI
BERBAGAI2 AJARAN YANG BOLEH MEMBIMBING UMAT
MANUSIA KAPADA KEMAJUAN DALAM SERBA LAPANGAN.

KUR'AN TIDAK MENYEKAT MANUSIA MENGEJAR KEMAJUAN,
ASALKAN KEMAJUAN ITU MEMBERI KEBAIKKAN KAPADA
MASHARAKAT. KUR'AN AKAN TINGGAL KUR'AN, JIKA TIDAK
DI-BACHA DAN DI-PELAJARI MA'ANA2 YANG TERKANDONG
DI-DALAM-NYA. OLEH ITU, KEMENTERIAN PELAJARAN TELAH
BERSETUJU MENGANJORKAN PERTANDINGAN MEMBACHA AL-
KUR'AN DI-KALANGAN MURID2 SEKOLAH RENDAH, UNTUK
MENGALAKKAN MEREKA ITU SUPAYA BOLEH MEMBACHA-NYA
DENGAN BAIK DAN BETUL, SESUAI DENGAN KEBOLEHAN MEREKA.
BAGI MURID2 DI-SEKOLAH MENENGAH, DI-ANJORKAN
PERTANDINGAN MENTAFSIR AL-KUR'AN UNTUK MENGALAKKAN
MEREKA ITU MEMPELAJARI MA'ANA2, DAN MENYELIDEKI
AJARAN2, YANG TERKANDONG DI-DALAM KITAB SUCHI ITU
SESUAI DENGAN KEMAMPUAN MEREKA.

SAYA BERHARAP MATLAMAT PERTANDINGAN INI,
BUKAN SEMATA2 PERTANDINGAN UNTUK MENCHAPAI
KEMENANGAN, TETAPI BERHARAP PERTANDINGAN INI AKAN
MENINGGALKAN KESAN YANG BERFAEDAH KAPADA KITA
SEKALIAN, TERUTAMA-NYA MURID2 SEKOLAH, DAN SAYA
BERDOA SEMUGA APA YANG KITA LAKUKAN PADA MALAM
INI, MENDAPAT TAUFIK DAN HIDAYAH DARIPADA ALLAH
SERTA DI-TERIMA-NYA MENJADI AMAL SALLEH.
AMIN YA RABBAL ALAMIN.



SAYA BERHARAP MATLAMAT PERTANDINGAN INI
 BUKAN SEMATA2 PERTANDINGAN UNTUK MENCAPAI
 KEMENANGAN, TETAPI BERHARAP PERTANDINGAN INI AKAN
 MENINGGALKAN KESAN YANG BERFAEDAH KEPADA KITA
 SEKALIAN, TERUTAMA-NYA MURID2 SEKOLAH. DAN SAYA
 BERDOA SEMUGA APA YANG KITA LAKUKAN PADA MALAM
 INI, MENDAPAT TAUFIK DAN HIDAYAH DARIPADA ALLAH
 SERTA DI-TERIMA-NYA MENJADI AMAL SALIH.
 AMIN YA RABBAL ALAMIN.



No Siri	127
No Penerimaan	127/80